

# Sasaran DEB 30 peratus Melayu diperjuangkan

UM - 15/7/2007

JOHOR BAHRU 14 Julai - Pemimpin muda UMNO disaran mempertahankan dan memperjuangkan semangat Dasar Ekonomi Baru (DEB) dalam memastikan sasaran pegangan ekonomi orang Melayu sebanyak 30 peratus tercapai.

Naib Presiden UMNO, Tan Sri Muhyiddin Yassin berkata, meskipun dasar tersebut telah digantikan dengan Dasar Pembangunan Nasional (DPN), orang Melayu perlu sedar penglibatan mereka dalam bidang ekonomi masih jauh ketinggalan berbanding kaum lain.

Menurut beliau, masih banyak ruang perlu diperbaiki bagi mem-

bolehkan orang Melayu lebih berdaya saing dalam bidang ekonomi.

"Kekuatan ekonomi Melayu masih jauh daripada tahap yang dijangkakan. Jadi tidak salah bagi saya supaya semangat itu diperjuangkan terutama di kalangan pemimpin muda UMNO," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang akhbar selepas merasmikan persidangan tahunan UMNO Bahagian Pasir Gudang di Dewan Serbaguna Taman Johor Jaya di sini hari ini.

Hadir sama adalah Ketua UMNO Bahagian Pasir Gudang yang juga Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi, Datuk Seri Mohamed Khaled Nordin.

Menurut Muhyiddin yang juga Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, DEB telah banyak membantu dalam mengekalkan kemakmuran negara kerana ia menyeimbangkan pembangunan ekonomi antara kaum di negara ini.

Tambahnya, dasar itu merupakan strategi serampang dua mata iaitu membasmi kemiskinan dengan meningkatkan pendapatan dan menambah peluang pekerjaan untuk semua rakyat tanpa mengira kaum.

"Walaupun ada pihak bukan Melayu yang mungkin mempertikaikan bahawa DEB sudah tamat dan tak harus dibangkitkan semula, mereka sepatutnya sedar

yang layanan diberikan sebelum ini adalah adil dan saksama.

"Kita cuma tidak mahu sekiranya orang Melayu ketinggalan, akan berlakunya kepincangan etnik dan membangkitkan perasaan tidak baik pada masa akan datang," katanya.

Jelas beliau, perjuangan semangat DEB masih lagi relevan pada hari ini kerana pegangan ekonomi Melayu hanya pada tahap 18 peratus.

"Saya berpendapat jika perkara ini diberi penerangan yang sebaik-baiknya oleh setiap komponen Barisan Nasional (BN), semua pihak akan faham manfaatnya terhadap perpaduan negara," katanya.